

# Rundingan semula Proton, Volkswagen positif: PM

BH-13/6/2007

## Syarikat setuju sambung perbincangan di Bangkok tidak lama lagi

Oleh Azman Zakaria

**D**ATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, rundingan semula antara Proton Holdings Bhd dan pengeluar kereta Jerman, Volkswagen AG (VW) di New York minggu lalu berhubung cadangan kedua-duanya mengadakan pakatan strategik adalah positif.

Perdana Menteri berkata, kedua-dua syarikat itu akan mengadakan rundingan seterusnya di Bangkok tidak lama lagi.

"Hakikat bahawa mereka akan mengadakan rundingan seterusnya bermakna kedua-dua pihak berpuas hati dengan hasil rundingan pertama.

"Hasil rundingan pertama itu positif. Kedua-dua pihak dalam mood

positif," katanya ketika ditanya mengenai perkembangan terkini berhubung rundingan Proton dengan Volkswagen pada sidang media selepas merasmikan Muzakarah Imam Peringkat Kebangsaan 2007, di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Bangi semalam.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, beliau bagaimanapun belum mempunyai butiran terperinci mengenai rundingan berkenaan.

Akhir bulan lalu, Perdana Menteri berkata, beliau sudah mengarahkan Proton supaya berbincang dengan pihak lain untuk menjalinan pakatan strategik kerana Volkswagen tidak berminat dengan cadangan Proton dari segi penyertaan ekuiti.

Bagaimanapun sehari selepas itu,

Pengarah Urusan Khazanah Nasional Bhd, Datuk Azman Mokhtar mengumumkan bahawa Volkswagen sudah menyatakan minat barunya untuk terus mengadakan rundingan mengenai kemungkinan menjadi rakan kongsi strategik pengeluar kereta nasional itu dan telah memaklumkan perkembangan itu kepada Perdana Menteri.

Sementara itu, Abdullah berkata, Sudan berpuashati bukan hanya dengan pelaburan Petronas di negara itu tetapi juga tanggungjawab sosial korporat syarikat minyak nasional itu.

Ini dinyatakan Menteri Minyak Sudan, Awad Ahmed al-Jaz ketika beliau mengunjungi Perdana Menteri semalam.

Awad berada di Kuala Lumpur bagi menghadiri Persidangan Minyak dan

Gas Asia di Kuala Lumpur.

Petronas adalah antara pelabur terbesar dalam sektor minyak dan gas di Sudan.

Abdullah berkata, tanggungjawab sosial korporat Petronas termasuk menyediakan biasiswa untuk pelajar dari Sudan meneruskan pengajian dalam sektor minyak dan gas di Universiti Teknologi Petronas.

Katanya, beliau dan Awad juga berbincang mengenai perkembangan di Darfur.

Kerajaan Malaysia, katanya, akan membantu dengan penempatan semula pelarian Darfur.

"Langkah yang boleh diambil ialah membawa balik mereka yang sedang berkhemah ke kampung masing-masing. Semua bantuan boleh diberikan di kampung masing-masing," katanya.